

KHUTBAH JUMAAT

“MERAH KEBERKATAN MASA DAN USIA” (28 Disember 2018M/ 20 Rabiulakhir 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

وَبَرًّا بِوَالِدَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ جَبَّارًا عَصِيًّا ﴿١٤﴾

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar ketakwaan, dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita kemantapan iman dan takwa, amin. Pada hari ini khatib akan membicarakan tajuk “**Meraih Keberkatan Masa Dan Usia**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hidup dan mati merupakan ketentuan dan rahsia Allah *subhanahu wata'ala*. Tiada siapa yang mampu mengetahuinya. Tidak seperti susunan kelahiran, ada abang, kakak, adik dan seterusnya. Kematian, tidak mempunyai susunan sedemikian. Yang tua, tidak semestinya pergi lebih dahulu. Yang muda, tidak semestinya akan

lebih panjang usianya. Jika ajal dan kematian sampai, maka tiada sesiapa yang mampu menahan kematian kita. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-A'raaf, ayat 34:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya : *Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan); maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka dikemudikan walau sesaatpun, dan tidak dapat pula mereka didahulukan.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bersesuaian dengan peringatan pada pembukaan khutbah pada hari ini, suka khatib memulakan perkongsian dengan sepotong hadis yang kita biasa mendengarnya. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud:

((Apabila seorang anak Adam mati putuslah amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, atau ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain atau anak yang soleh yang berdoa untuknya))).

(Hadis riwayat Imam Muslim).

Maka, cuba kita tanyakan diri kita, apakah persediaan yang telah kita lakukan bagi memastikan selepas kita mati nanti, pahala kita masih berterusan. Dalam hal ini, mimbar cuba berkongsi beberapa panduan yang dapat kita mulakan dan lakukan. Sebelum itu, marilah sama-sama kita dengarkan anjuran Allah yang sangat jelas melalui firman-Nya dalam surah An-Nisaa', ayat 36:

﴿ وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
 وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْأَجْنَبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا
 مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٦١﴾

Maksudnya : *Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;*

Sebelum kita membantu pihak - pihak yang lain, bantulah kedua ibu bapa kita dahulu. Hurlurkanlah sebahagian gaji kita untuk dihadiahkan kepada keduanya.

Apakah guna saudara, jika kita mempunyai rumah yang besar, pembantu rumah dan kenderaan serta kesenangan yang lain, tetapi kita tidak mampu memberikan wang kepada ibu bapa walau hanya sedikit? Atau kita tidak mampu berkongsi wang bersama adik beradik lain, di saat ibu bapa memerlukan seorang pembantu bagi menjaganya kerana semua anak bekerja?

Perkara pertama dan utama yang perlu kita lakukan ialah sentiasa berbuat baik kepada ibu bapa. Sentiasa menggembarakan mereka

dan membantu mereka di saat mereka memerlukan kita, terutamanya pada hari - hari tua mereka.

Janganlah kita tolak - menolak antara adik beradik dalam menjaga atau ketika ibu bapa memerlukan bantuan kewangan dari kita atas alasan “Kau abang, aku adik” atau, “Kau belum kahwin, aku ada anak isteri”, atau “Suami atau isteri aku tak suka” dan sebagainya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Selain ibu bapa, sebelum kita membantu orang lain, lihat juga dahulu adik beradik kita yang lain. Susah ke, senang ke mereka? Terutamanya adik - adik dan kakak -kakak kita yang kematian suami atau ditinggalkan suami. Siapakah yang membantu mereka, anak - anak mereka? Lebih-lebih lagi musim persekolahan yang akan tiba tidak lama lagi, adakah keperluan anak - anak mereka semuanya mencukupi?

Ingatlah, semua ini perlu kita dahulukan dan utamakan sebelum kita ingin membantu pihak lain. Kerana nafkah yang paling afdal, adalah apa yang kita hulurkan untuk membantu ahli keluarga kita sendiri yang dalam keperluan. Imam Muslim *rahimahullah meriwayatkan sabda Nabi sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud:

“Dan harta yang kamu belanjakan di jalan Allah, dan harta yang kamu berikan kepada hamba (untuk dibebaskan) dan harta yang kamu sedekahkan kepada orang miskin, serta harta yang kamu

sedekahkan kepada keluargamu. Maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu sedekahkan kepada keluarga kamu.”

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Inilah sedekah jariah yang patut kita dahulukan dan utamakan. Inilah ilmu pengetahuan serta tunjuk ajar yang perlu kita kongsi kepada anak - anak kita sebagai bekalan. Bekalan kita bagi anak - anak sesudah kita tiada, sesudah kita mati. Ia tidak lain dan tidak bukan, sebenarnya bermula dari contoh kita sebagai kedua ibu bapa. Anak - anak menyaksikan dan melihat bagaimana layanan kita pada kedua orang tua kita. Jika kita tidak endahkan ibu bapa kita. Kita tidak hiraukan mereka. Maka kemungkinan, perkara yang sama bakal berlaku pada diri kita pula, satu hari kelak.

Maka, segalanya bermula dengan diri kita. Perbaikilah akhlak kita dan sikap kita pada kedua orang tua kita. Agar ia menjadi satu amal jariah, dan ilmu didikan yang dapat kita bekalkan dan dicontohi anak - anak.

Marilah kita menjadi insan yang sentiasa mendoakan kedua orang tua kita yang masih ada atau yang sudah tiada. Kita lakukan bersama dengan anak - anak kita pada setiap solat kita. Agar satu hari nanti, anak - anak kita pula mencontohi amalan yang baik dari kita, dan mendoakan kita pula nanti. Amin, Ya Rabbal 'Alamin.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Israa', ayat 24 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya : *Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil."*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadratMu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.